

UniSZA buru trofi ketiga

Kuala Lumpur: Selepas meraih dua gelaran besar saingan bola sepak peringkat institusi pengajian tinggi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) kini mahu mengakhiri musim gemilang dengan meraih Piala Menteri Pengajian Tinggi bulan depan.

Pasukan berpangkalan di Kuala Terengganu itu muncul juara Divisyen Satu dalam percubaan pertama mereka dan minggu lalu mereka membuktikan kebangkitan apabila meraih Piala MASUM (Majlis Sukan Universiti Malaysia).

Pada aksi final yang disertai semua 20 ahli gabungan, UniSZA menewaskan Universiti Putra Malaysia (UPM) 1-0 di Johor Bahru. Dalam laluan ke final, me-



FAKTA
UniSZA juara
Divisyen Satu

PEMAIN UniSZA bergambar selepas meraih Piala MASUM.

reka menetapkan jagoan Divisyen Satu, UiTM 3-1 dan mengecewakan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UiAM) 2-0 sebelum mengatasi UPM yang juga juara bertahan.

"Pencapaian kami tahun ini tentunya bukan satu kebetulan," kata penolong pe-

ngurus, Fadiallah Mamat. "Semuanya atas perancangan rapi serta latihan sistematik sekalipun pada bulan puasa lalu.

"Dengan kesungguhan dipamer semua pemain, kami yakin akan mengungguli Piala Menteri nanti," katanya.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang ketika itu di bawah bimbingan Sulaiman Hussin, adalah juara bertahan Piala Menteri selepas menewaskan UiTM Perlis yang dikendalikan bekas pemain Kedah/Perlis, Manja Man 3-0. UKM kini beraksi dalam Liga FAM.

HAFIAN METRO 11/08/2015